

# HUBUNGAN KURSUS PENGURUSAN BILIK DARJAH DAN TINGKAH LAKU DENGAN KEBERKESANAN PENGURUSAN TINGKAH LAKU BERMASALAH SEMASA PRAKTIKUM DALAM KALANGAN SISWA GURU DI IPG KAMPUS ILMU KHAS KUALA LUMPUR

***RELATIONSHIP WITHIN CLASSROOM AND BEHAVIOURAL MANAGEMENT COURSE AND EFFICIENCY MANAGEMENT OF CURRENT BEHAVIOURAL PROBLEMS DURING PRACTICUM FOR STUDENT TEACHERS AT IPG KAMPUS ILMU KHAS KUALA LUMPUR***

<sup>1</sup>*Chin Mei Keong (Ph.D), Lim Guat Goh dan Tay Pio  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur*

*Chew Chin Chong (Ph.D)  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh  
<sup>1</sup>*mei\_keong@ipgkik.edu.my**

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku dengan keberkesanan pengurusan tingkah laku bermasalah semasa praktikum dalam kalangan siswa guru. Kajian ini melibatkan 279 orang siswa guru dari IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah Instrumen Kursus EDUP3043 (8 items) dan Instrumen Pengurusan Tingkah Laku Murid (20 items). Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 21.0. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan ilmu pengetahuan EDUP3043 dengan kemahiran pengurusan tingkah laku murid secara keseluruhan di mana  $r=.656$ ,  $p<.01$ . Selain itu, dapatkan kajian menunjukkan konstruk penguasaan ilmu pengetahuan Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku menyumbang sebanyak 43.0% ke atas konstruk kemahiran pengurusan tingkah laku murid bagi siswa guru yang dikaji. Dapatkan ini menunjukkan penguasaan ilmu pengetahuan pengurusan bilik darjah dan tingkah laku semasa di IPG dapat menyediakan siswa guru untuk kemahiran pengurusan tingkah laku murid yang lebih berkesan. Ini menggambarkan bahawa siswa guru yang telah mengikuti Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku (EDUP3043), mempunyai keyakinan yang tinggi dan dapat mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari dalam pengurusan tingkah laku bermasalah murid di dalam bilik darjah.

*Kata Kunci:* Pengurusan bilik darjah dan tingkah laku, model disiplin, intervensi, siswa guru

## ABSTRACT

*This study aims to identify the relationship within Classroom and Behavioural Management Course and efficiency management of current behavioural problems during practicum for student teachers. This study involved 279 student teachers from IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Instruments used in this study were EDUP3043 Instruments (8 items) and Student Behaviour Management Instruments (20 items). The data collected were analyzed based on the Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 21.0. The findings showed that there was a significant correlation between EDUP3043 knowledge level and student behaviour management skills as a whole where  $r =$*

.656,  $p < .01$ . In addition, the findings also showed that EDUP3043's knowledge acquisition constructs contribute to 43.0% of the students' behavioural management skills constructs for the respondents. This finding showed that mastery of classroom management and behavior knowledge while studying at IPG provide student teachers with more effective student behaviour management skills. This described that student teachers who have attended Classroom and Behavioural Management Course (EDUP3043) have high confidence and can apply the knowledge they have learnt in the management of problematic behaviour among students in the classroom.

**Key words:** Classroom and behaviour management, discipline model, intervention, student teachers

## Pengenalan

Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku (EDUP3043) merupakan kursus yang ditawarkan kepada siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP), IPGM. Kursus ini ditawarkan supaya pelajar dapat menguasai kemahiran pengurusan bilik darjah dan tingkah laku serta berupaya mempraktikkan pelbagai model pengurusan disiplin dan intervensi dalam menangani masalah tingkah laku dalam bilik darjah

Tajuk-tajuk yang dibincangkan dalam kursus ini termasuk konsep dan peranan guru dalam pengurusan bilik darjah, model pengurusan disiplin bilik darjah, pengurusan bilik darjah inklusif yang melibatkan murid berkeperluan khas, pengurusan tingkah laku bermasalah dalam bilik darjah, intervensi menangani tingkah laku bermasalah dan pelan pengurusan bilik darjah.

Hasil pembelajaran kursus ini berfokus kepada penghasilan siswa guru yang dapat menjelaskan secara mendalam konsep pengurusan bilik darjah dan tingkah laku dengan berkesan. Ia juga membincangkan peranan guru dalam menguruskan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan membina hubungan yang positif di dalam bilik darjah aliran perdana dan inklusif. Siswa guru juga dikehendaki menganalisis isu-isu semasa berkaitan tingkah laku bermasalah di dalam bilik darjah dengan merujuk pelbagai sumber yang relevan. Mereka perlu memilih model pengurusan disiplin dan intervensi yang sesuai bagi menangani tingkah laku bermasalah dalam bilik darjah. Mereka harus membina pelan pengurusan bilik darjah yang efektif secara kreatif dan inovatif.

Masalah disiplin bukan timbul dalam satu dua hari, tetapi berlaku secara spontan dan berpanjangan. Maka ia harus diuruskan dengan teratur agar membawa kesan positif yang maksimum. Banyak model pengurusan disiplin telah dibina hasil daripada penyelidikan tokoh-tokoh pendidikan. Model pengurusan disiplin bilik darjah yang dibincangkan dalam kursus ini termasuk Model Disiplin Asertif Canter, Model Akibat Logikal Dreikurs, Model Pengurusan Kelompok Kounin, Model Pengurusan Bilik Darjah Thomas Gordon, dan Model Beyond Discipline Alfie Kohn.

Masalah disiplin dalam bilik darjah harus ditangani dengan pelbagai intervensi. Penguasaan ilmu intervensi adalah penting bagi menangani tingkah laku murid yang pelbagai ragam. Intervensi yang disenaraikan adalah seperti teknik modifikasi tingkah laku, bimbingan dan kaunseling, serta kaedah terapi (terapi bermain, bercerita, seni, dan muzik).

Sementara itu, praktikum pula memberi peluang kepada pelajar mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar bilik darjah dan sekolah. Pelaksanaan program peringkat ini memberi tumpuan kepada proses pengajaran pembelajaran dengan bimbingan melalui perkongsian pintar dan permuafakatan antara IPG, sekolah dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Melalui praktikum, siswa guru diharap dapat mempraktikkan teori-teori yang telah dipelajari dalam situasi sebenar khasnya dapat mengamalkan teori-teori dalam Kursus Pengurusan

Bilik Darjah dan Tingkah laku dalam menangani tingkah laku bermasalah murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### Kajian Literatur

Kita sering bercakap tentang pelbagai masalah tingkah laku yang melanda murid-murid di dalam bilik darjah pada masa kini. Mengikut Mohd. Nazar Mohamad (1992), tingkah laku bermasalah merupakan tingkah laku yang menganggu perjalanan kehidupannya. Dalam konteks pendidikan, tingkah laku bermasalah merujuk kepada sebarang tingkah laku yang yang boleh merosakan kelancaran dan keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran khususnya di dalam bilik darjah. Khalim Zainal (2008) pula menjelaskan bahawa tingkah laku bermasalah di dalam bilik darjah merujuk kepada tindakan individu yang mengganggu, menentang, menyakiti atau melanggar hak orang lain di dalam bilik darjah. Jenis tingkah laku bermasalah merangkumi kategori kekejaman, tidak hormat, kebingungan, penipuan, perjuangan, sindiran, penentangan dan sikap tidak peduli. Masalah tingkah laku murid di dalam bilik darjah perlu ditangani dengan awal supaya tidak menjelaskan keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Zubir, Johari, Mahmud, Ab Razak dan Johan (2018) pula berpendapat bahawa kanak-kanak yang mengalami masalah tingkah laku biasanya menunjukkan tingkah laku yang berlawanan dengan tingkah laku yang seharusnya. Tingkah laku mereka ini tidak dapat diterima oleh masyarakat dan dianggap sebagai tingkah laku antisosial. Ciri-ciri tingkah laku antisosial ini biasanya berlaku secara berulang kali dan berterusan serta melanggar hak asasi orang lain atau melanggar peraturan dan norma masyarakat. Antara tingkah laku yang tergolong dalam kategori masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak pertengahan adalah sering ponteng sekolah, sering bercakap bohong, mengambil barang orang lain tanpa izin, lari dari rumah, sering memulakan pergaduhan atau perkelahian (Azizi et al. 2008). Selain itu, kanak-kanak menunjukkan tingkah laku suka menentang untuk mendapatkan perhatian dan mendapat sesuatu yang diinginkan oleh mereka, antara contoh tingkah laku menentang adalah seperti tidak mendengar kata, sentiasa bersifat atau berfikiran negatif, sentiasa tidak mahu mengikut atau melanggar arahan dan peraturan, bertengkar dan bertikam lidah dan degil. Kanak-kanak yang mempunyai tingkah laku yang suka menentang ini biasanya akan memberikan masalah yang banyak kepada guru di dalam kelas terutamanya untuk mematuhi arahan yang diberikan (Aznan et al. 2010).

Pengurusan tingkah laku bermasalah ini telah menjadi sebahagian tugas guru dalam pengurusan bilik darjah demi kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Strategi yang berbeza-beza digunakan oleh guru untuk menangani masalah tingkah laku murid di dalam bilik darjah. Strategi-strategi ini meliputi pencegahan, pengekalan, dan intervensi (Eng, 2014).

Untuk pencegahan masalah tingkah laku, perancangan awal merupakan asas kejayaannya. Perancangan awal boleh membantu meminimumkan dan mengelakkan masalah disiplin. Biasanya, guru akan mendapatkan maklumat awal berkaitan kelas yang akan diajar, mengenal pasti latar belakang muridnya, mengadakan perjumpaan pertama pada hari pertama awal tahun dan sebagainya (Eng, 2014).

Pada pertemuan pertama, guru akan menetapkan peraturan yang jelas dan memaklumkan rutin untuk aktiviti akademik, bukan akademik, serta semasa interaksi dalam kelas. Ini termasuk pelan susunan kerusi meja, cara pergerakan keluar masuk bilik darjah, kebersihan kelas, serta keselamatan harta benda kelas. Selain memberi penjelasan secara lisan, guru mengadakan demonstrasi tindakan yang dikehendaki supaya murid dapat memahaminya dengan lebih baik. Dengan berbuat demikian, guru telah menetapkan jangkaan tingkah laku yang jelas terhadap murid. Murid akan akur dan hormat kepada guru jika mereka jelas tentang pendirian dan harapan guru (Eng, 2014).

Untuk pengekalan, guru perlu mengekalkan minat murid sepanjang pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Dengan menarik perhatian murid, tingkah laku bermasalah boleh dikurangkan. Ini dapat dilakukan melalui pembelajaran bermakna, pembelajaran kontekstual, penggunaan pedagogi abad 21 (PAK21), dan seumpamanya. Menurut Fullan, Quinn, dan McEachen (2017), pembelajaran bermakna ialah pembelajaran yang melekat pada seseorang untuk sepanjang hayatnya..." Pembelajaran kontekstual mengaitkan kehidupan sehari-hari murid dengan isi pembelajaran. PAK21 pula memberi penekanan terhadap 4C, iaitu pemikiran kritis, komunikasi, kolaborasi, dan pemikiran kreatif. Pendekatan PdP tersebut melibatkan murid dalam penyelesaian masalah yang berkaitan dengan pengalaman sedia ada mereka, maka akan mengurangkan peluang timbulnya tingkah laku bermasalah.

Pakar-pakar pendidikan pula menekankan betapa pentingnya seseorang guru itu berupaya mempraktikkan pelbagai model pengurusan disiplin. Menurut Lee dan Katherine (2007), pemahaman terhadap model-model dan teori-teori pengurusan bilik darjah merupakan langkah yang bijak untuk mengembangkan falsafah peribadi dan seterusnya meningkatkan pengurusan bilik darjah seseorang guru. Myint dan Lourdusamy (2005) pula berpendapat bahawa model-model disiplin ini merupakan pendekatan yang berterusan dan digunakan untuk mewujudkan kawalan kendiri murid. Sebagai seorang guru, sepatutnya berhasrat ke arah menanam disiplin diri murid yang utuh di bawah jagaanya apabila memperoleh lebih banyak pengalaman. Pandangan kedua-dua pakar pendidikan ini amat berguna kepada siswa guru yang bakal mencebur dalam bidang pendidikan. Tambahan Myint dan Lourdusamy (2005), teori-teori pengurusan tingkah laku membenarkan kita meninjau perkara-perkara tertentu dan membuat jangkaan terhadap tingkah laku murid. Penggunaan teori-teori tersebut menjadikan kita lebih baik dalam usaha pencegahan dan bukan mengubati. Pengurusan tingkah-laku sepatutnya tidak terlalu terikat kepada satu-satu model sahaja. Siswa guru sepatutnya cekal dalam menggabungjalinkan model-model disiplin untuk mengelakkan segala gangguan disiplin murid dan mewujudkan pengurusan bilik darjah yang efisen.

Menurut Teori Perkembangan Trotter, siswa guru yang menjalankan praktikum di sekolah sedang berada di peringkat novis lanjutan (Trotter, 1986). Mereka didedahkan dengan situasi sebenar sekolah. Untuk menguruskan tingkah laku murid-murid dengan berkesan di dalam bilik darjah siswa guru perlu memperoleh pengetahuan dan kemahiran tentang teknik-teknik intervensi untuk mengawal masalah tersebut.

Modifikasi tingkah laku merupakan satu pendekatan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi untuk mengubah tingkah laku negatif kepada tingkah laku positif. Terdapat lima jenis modifikasi tingkah laku iaitu peneguhan positif, peneguhan negatif, dendaan, prinsip Premack dan pelupusan (Skinner, 1930). Dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Shahida Hassim (2012), menunjukkan bahawa intervensi peneguhan memberi impak positif terhadap masalah tingkah laku yang wujud di kalangan murid.

Bimbingan dan kaunseling pula merupakan salah satu cara intervensi yang berkesan untuk membantu murid-murid semasa menghadapi kesulitan dan masalah (Kementerian Pelajaran 2010a). Bimbingan boleh dilakukan oleh semua guru kepada murid-muridnya yang bermasalah tingkah laku di dalam bilik darjah

Terapi atau psikoterapi kanak-kanak merujuk teknik dan kaedah yang digunakan untuk membantu kanak-kanak yang mempunyai masalah emosi dan tingkah laku. Menurut Landreth (2001), bermain sebagai terapi dapat membantu kanak-kanak mengatasi masalah mereka sebab bagi kanak-kanak bermain adalah simbol verbalisasi. Terapi seni pula sering kali diaplikasikan oleh guru bimbingan dan kaunseling untuk membantu murid-murid meluahkan perasaan dan konflik dalaman yang dialami menerusi aktiviti seni. Reed dan Sidnell (1978) berpendapat bahawa aktiviti mendengar muzik, respons kepada muzik dan bermain alat muzik merupakan aktiviti untuk tujuan pendidikan dan terapi. Murid-murid bermasalah tingkah laku akan menjadi lebih tenang selepas terapi muzik dijalankan. Selain itu, terapi bercerita merupakan satu medium untuk berkomunikasi antara ahli terapi

dengan kanak-kanak untuk membangun atau meningkatkan keyakinan diri mereka. Terapi bercerita dapat membantu kanak-kanak mengenali dirinya dan meluahkan perasaan yang terpendam.

Kesimpulannya, siswa-siswa guru perlu menguasai ilmu tentang pelbagai model dan intervensi pengurusan bilik darjah dan tingkah laku supaya dapat melaksanakan intervensi tersebut untuk mengurus masalah disiplin di dalam bilik darjah demi keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang maksimum.

### **Penyataan Masalah**

Di bawah struktur program PISMP, siswa guru dikehendaki menjalani dua kali amalan profesional di sekolah rendah, iaitu pada semester 5 dan semester 7. Dengan berbekalkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dalam kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku (EDUP3043), adalah diharapkan siswa guru dapat mempraktikkannya dalam situasi bilik darjah sebenar semasa praktikum. Namun, tinjauan terhadap pensyarah penyelia amalan profesional menunjukkan bahawa terdapat jurang antara harapan dengan realiti. Siswa guru didapati mengalami masalah mengurus tingkah laku bermasalah murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Cangelosi, 2014).

Pandangan sedemikian telah menimbulkan tanda tanya tentang kebolehan siswa guru dalam pengurusan bilik darjah dan tingkah laku murid. Kawalan kelas yang kurang berkesan akan membawa kepada tingkah laku bermasalah di dalam bilik darjah dan seterusnya menjelaskan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Maka, adalah perlu untuk mengkaji hubungan Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku dengan keberkesanan pengurusan tingkah laku bermasalah semasa praktikum dalam kalangan siswa guru. Kajian ini akan cuba mengenal pasti jurang yang berlaku pada keadaan semasa tentang isu pengurusan tingkah laku bermasalah murid oleh siswa guru. Di samping itu, dapatan kajian ini juga akan memberi gambaran yang jelas sama ada hasil pembelajaran kursus (*Course Learning Outcome, CLO*) EPUP3043 ini tercapai atau hanya sekadar “pembelajaran teoritikal”. Hasil dapatan kajian ini juga boleh dijadikan rujukan untuk merangka semula rangka kursus dan cara perlaksanaan kursus dan sekaligus merancang semula strategi pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran pada masa depan.

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya kajian ini meninjau hubungan Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku dengan keberkesanan pengurusan tingkah laku bermasalah semasa praktikum dalam kalangan siswa guru.

Secara khususnya kajian bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku dan tahap kemahiran pengurusan tingkah laku murid di kalangan siswa guru.
- ii. Mengenal pasti hubungan antara penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku dengan kemahiran pengurusan tingkah laku murid di kalangan siswa guru.
- iii. Mengenal pasti keberkesanan penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku terhadap kemahiran pengurusan tingkah laku murid di kalangan siswa guru

### **Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian tersebut, persoalan yang timbul adalah seperti berikut:

- i. Apakah tahap penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku dan tahap kemahiran pengurusan tingkah laku murid siswa guru di IPG Kampus Ilmu Khas?

- ii. Adakah terdapat hubungan antara penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku dengan kemahiran pengurusan tingkah laku murid siswa guru di IPG Kampus Ilmu Khas?
- iii. Sejauhmanakah penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku menyumbang kepada kemahiran pengurusan tingkah laku murid siswa guru?

### **Metodologi Kajian**

Kajian tinjauan berbentuk kolerasi ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengumpul data. Soal selidik ditadbir untuk meninjau hubungan antara kursus pengurusan bilik darjah dan tingkah laku dengan keberkesanan pengurusan tingkah laku bermasalah di dalam bilik darjah. Data dipungut dengan menggunakan soal selidik lima skala. Mohd Najib (1999) menyatakan bahawa kaedah tinjauan menerusi penggunaan soal selidik telah banyak digunakan kerana merupakan cara yang berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat. Instrumen soal selidik yang digunakan terdiri daripada Instrumen Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku (8 items) untuk mengukur penguasaan ilmu kursus tersebut. Manakala Instrumen Kemahiran Pengurusan Tingkah Laku Murid (20 items) pula digunakan untuk mengukur kemahiran pengurusan tingkah laku bermasalah murid oleh siswa guru.

Instrumen dan item yang dibina telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya. Bagi tujuan kesahan, pengkaji telah menjalankan kesahan kandungan dengan merujuk instrumen tersebut kepada empat orang pensyarah kanan di Jabatan Ilmu Pendidikan, IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur yang bertujuan untuk memantapkan isi kandungan item yang dibina. Teguran dan pandangan daripada empat orang pensyarah ini telah diambil kira dalam permunian dari segi penggunaan bahasa, kejelasan maksud dan isi kandungan setiap item yang dibina.

Ujian rintis telah dijalankan terhadap setiap item dan nilai Alpha Cronbach bagi Instrumen Kursus EDUP3043 ialah 0.846, manakala nilai Alpha Cronbach bagi Instrumen Kemahiran Pengurusan Tingkah Laku Murid ialah 0.929. Nilai Alpha Cronbach bagi kedua-dua instrumen tersebut memberi gambaran bahawa semua item sesuai dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan dalam kajian ini.

Responden kajian adalah seramai 279 orang siswa guru iaitu 157 orang siswa guru PISMP ambilan Jun 2016 (semester lima) dan 122 orang siswa guru PISMP ambilan Jun 2017 (semester tujuh) dari IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Rasional pemilihan responden sem 5 dan sem 7 adalah kerana siswa guru tersebut baharu menjalani praktikum di sekolah dan mempunyai pengalaman langsung dalam pengurusan tingkah laku murid di dalam bilik darjah.

Data-data yang diperolehi dianalisis berdasarkan objektif kajian. Analisis deskriptif dalam peratus digunakan untuk menentukan tahap penguasaan isi kandungan kursus EDUP3043 dan tahap amalan pengurusan tingkah laku murid oleh para siswa guru. Statistik inferensi kolerasi digunakan untuk menentukan hubungan di antara tahap penguasaan isi kandungan kursus EDUP3043 dengan tahap amalan pengurusan tingkah laku murid para siswa guru PISMP dan seterusnya menentukan keberkesanan penguasaan isi kandungan kursus EDUP3043 terhadap amalan pengurusan tingkah laku murid bagi siswa guru Semester 5 dan semester 7 di IPG Kampus Ilmu Khas. Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program `Statistical Package for the Social Science (SPSS).

### **Dapatan Kajian**

Dapatan kajian di bawah ini dibincangkan satu persatu berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

#### **Tahap Penguasaan Kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku**

Menurut Noriah (2005), skor 80% keatas menunjukkan bahawa penguasaan sesuatu kemahiran adalah pada tahap yang tinggi. Skor 50% hingga 79% menunjukkan bahawa penguasaan sesuatu kemahiran adalah pada tahap sederhana. Manakala skor 50% ke bawah menunjukkan bahawa penguasaan sesuatu kemahiran adalah pada tahap yang rendah. Sehubungan itu, nilai skor penguasaan Kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku dan nilai skor Kemahiran Pengurusan Tingkah Laku Murid siswa guru dalam kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah.

Tahap penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku adalah diukur berdasarkan huraihan seperti yang terdapat pada jadual berikut:

Jadual 1

*Nilai skor tahap penguasaan kemahiran kursus pengurusan bilik darjah dan tingkah laku siswa guru*

<b>Tahap Penguasaan Kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku</b>	<b>Skor Keseluruhan</b>	<b>%</b>
Tinggi	32-40	77.6
Sederhana	20-31	22.0
Rendah	1-19	0.4

Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 77.6% daripada sampel kajian mencatatkan skor tahap penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku pada tahap yang tinggi, manakala 22.0% daripada sampel kajian menguasai kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku pada tahap yang sederhana, dan 0.4% daripada sampel kajian menguasai kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku pada tahap yang rendah. Maka secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa 99.6% siswa guru dapat menguasai kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku pada tahap yang sederhana dan tinggi.

## Jadual 2

*Nilai skor tahap kemahiran pengurusan tingkah laku murid siswa guru*

Tahap Kemahiran Pengurusan Tingkah Laku Murid	Skor Keseluruhan	%
Tinggi	80-100	65.3
Sederhana	50-79	34.7
Rendah	0-49	0

Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 65.3% daripada sampel kajian mencatatkan skor tahap kemahiran pengurusan tingkah laku murid pada tahap yang tinggi, manakala 34.7% daripada sampel kajian menguasai kemahiran pengurusan tingkah laku murid pada tahap yang sederhana, dan tiada sampel kajian yang menguasai kemahiran pengurusan tingkah laku murid pada tahap yang rendah. Maka secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa 100% siswa guru dapat menguasai kemahiran pengurusan tingkah laku murid pada tahap yang sederhana dan tinggi.

### **Hubungan Penguasaan Kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku Dengan Kemahiran Pengurusan Tingkah Laku Murid**

Jadual menunjukkan hubungan antara tahap penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku dengan kemahiran pengurusan tingkah laku murid. Hubungan tersebut telah ditentukan dengan menggunakan pekali korelasi Pearson.

## Jadual 3

*Hubungan penguasaan kemahiran kursus pengurusan bilik darjah dan tingkah laku dengan kemahiran pengurusan tingkah laku murid*

Konstruk	Nilai (r)	Nilai (p)
Kemahiran Pengurusan Tingkah Laku Murid Keseluruhan	.656**	.000
Kemahiran Bimbingan dan Kaunseling	.643**	.000
Kemahiran Modifikasi Tingkah Laku	.443**	.000
Kemahiran Penggunaan Terapi	.404**	.000
Kemahiran Penggunaan Model Tingkah Laku	.579**	.000

\*\*Signifikan pada aras keyakinan .01

Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku dengan kemahiran pengurusan tingkah laku murid secara keseluruhan di mana  $r=.656$ ,  $p<.01$ . Berdasarkan interpretasi Pekali Korelasi oleh Cohen (1988), hubungan signifikan ini merupakan hubungan positif yang kuat. Hubungan positif bermakna sekiranya responden mendapat skor penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku yang tinggi, skor kemahiran pengurusan tingkah laku murid bagi responden tersebut juga tinggi. Di sebaliknya pula, sekiranya responden mendapat skor penguasaan kemahiran

Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku yang rendah, skor kemahiran pengurusan tingkah laku murid bagi responden tersebut juga rendah.

Bagi hubungan antara konstruk penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku dengan sub konstruk kemahiran pengurusan tingkah laku murid adalah seperti berikut. Ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan bagi kesemua sub konstruk kemahiran pengurusan tingkah laku murid dengan konstruk penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku. Kemahiran bimbingan dan kaunseling mencatatkan hubungan signifikan yang paling tinggi ( $r=.643$ ,  $p<.01$ ), diikuti dengan kemahiran penggunaan model tingkah laku ( $r=.579$ ,  $p<.01$ ), Kemahiran Modifikasi Tingkah Laku ( $r=.443$ ,  $p<.01$ ), dan Kemahiran Penggunaan Terapi ( $r=.404$ ,  $p<.01$ ). Berdasarkan Interpretasi Pekali Korelasi oleh Cohen (1988), hubungan signifikan bagi kesemua sub konstruk tersebut merupakan hubungan positif yang kuat.

#### **Keberkesanan konstruk penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku terhadap konstruk kemahiran pengurusan tingkah laku murid.**

Jadual 4

*Analisis regresi linear berganda bagi meramal keberkesanan konstruk penguasaan kemahiran kursus pengurusan bilik darjah dan tingkah laku dengan konstruk kemahiran pengurusan tingkah laku murid*

Peramal	B	Ralat Piawai	Beta ( $\beta$ )	Nilai t	Sig.	R <sup>2</sup>	R <sup>2</sup> Terlaras	Sumbangan
Penguasaan kemahiran EDUP3043	1.549	.110	.656	14.109	.000	.431	.429	43.0%
Pemalar	30.767	3.640		8.453	.000			

Pemboleh ubah bersandar / kriteria: kemahiran pengurusan tingkah laku murid

Dari segi keberkesanan konstruk penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku terhadap konstruk kemahiran pengurusan tingkah laku murid, dapatkan kajian menunjukkan konstruk penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku menyumbang sebanyak 43.0% ke atas konstruk kemahiran pengurusan tingkah laku murid bagi siswa guru yang dikaji (Jadual 4). Berdasarkan kepada nilai beta ( $\beta$ ), kesimpulan yang dapat dibuat daripada hasil dapatan regresi adalah apabila faktor penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku meningkat satu unit, kemahiran pengurusan tingkah laku murid siswa guru akan meningkat sebanyak 0.656 unit. Ini bermakna pengaruh penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku memberi kesan positif yang agak besar ke atas kemahiran pengurusan tingkah laku murid siswa guru.

## **Perbincangan Kajian**

Kajian-kajian mengenai cabaran dan masalah yang dihadapi guru novis selalu dikaitkan dengan pengurusan bilik darjah terutamanya tingkah laku murid yang menjelaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa tahap penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku dan tahap kemahiran pengurusan tingkah laku murid siswa guru di IPG Kampus Ilmu Khas adalah pada tahap yang sederhana dan tinggi. Begitu juga pengaruh penguasaan kemahiran Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku memberi kesan positif yang agak besar ke atas kemahiran pengurusan tingkah laku murid siswa guru. Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Hamzah, Ghani, Radzi dan Sehab (2018), di mana mereka mendapati bahawa alam usaha menangani masalah disiplin murid, pelbagai strategi boleh digunakan. Dengan memahami dan menguasai pelbagai ilmu dalam pengurusan disiplin dalam bilik darjah, seseorang guru pasti dapat meningkatkan tahap pengurusan tingkah laku murid bermasalah di dalam bilik darjah. Selain itu, dapatan kajian ini juga disokong oleh Eng (2014), yang berpendapat bahawa penguasaan ilmu dan kemahiran tentang pengurusan bilik darjah dapat membantu siswa guru untuk memahami faktor-faktor di sebalik perlakuan murid dan cara menangani perlakuan serta gelagat murid yang pelbagai di dalam bilik darjah.

Walau bagaimanapun, dapatan ini adalah bertentangan dengan beberapa kajian lepas. Terdapat kajian yang mengatakan bahawa guru novis yang menghadapi masalah dalam mengawal kelas adalah disebabkan kurang pendedahan awal mengenai cara untuk mengatasi tingkah laku masalah (Orgoványi-Gajdos, 2015). Begitu juga Lokman et al. (2014) dan Oshrat-Fink (2014) yang mendapati guru novis mempunyai kesukaran dalam melaksanakan apa yang telah dipelajari semasa berada dalam institusi latihan pendidikan guru ke dalam kelas yang sebenar. Goh, Qismullah dan Wong (2017) pula melaporkan beberapa masalah dalam kompetensi pedagogi guru novis di Malaysia seperti kawalan bilik darjah, kawalan tingkah laku murid, penguasaan ilmu pengetahuan dan juga kesedaran sebagai seorang guru. Begitu juga Tengku Sarina, Fatimah Sahida (2018), mendapati majoriti daripada guru novis menyatakan mereka mempunyai masalah berkenaan dengan pengurusan tingkah laku atau sikap murid semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Dapatan kajian ini juga jelas menunjukkan bahawa kurikulum yang telah dirancang oleh IPGM adalah teratur. Hasil pembelajaran kursus (CLO) yang telah dirancang adalah bersesuaian dan boleh dicapai. Misalnya, selepas mengikuti kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku (EDUP3043) ini, siswa guru telah dapat memilih model pengurusan disiplin dan intervensi yang sesuai bagi menangani tingkah laku bermasalah di dalam bilik darjah dengan berkesan.

Kesimpulannya, penguasaan ilmu pengetahuan tentang kursus Pengurusan Bilik Darjah Dan Tingkah Laku (EDUP3043) adalah penting dan dapat menyediakan siswa guru untuk menguruskan tingkah laku bermasalah murid di dalam bilik darjah dengan lebih yakin dan berkesan.

## **Cadangan Kajian**

Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengumpul data. Soal selidik ditadbir untuk meninjau hubungan antara kursus pengurusan bilik darjah dan tingkah laku dengan keberkesanan pengurusan tingkah laku bermasalah di dalam bilik darjah. Data telah dipungut dengan menggunakan soal selidik lima skala. Dapatan kajian menunjukkan majoriti siswa guru bersetuju bahawa ilmu pengetahuan tentang pengurusan bilik darjah amat membantu mereka melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan berbekalkan ilmu tersebut, seseorang siswa guru itu akan mengetahui cara menyusun tempat duduk pelajar dan peralatan bilik darjah, mengurus pergerakan pelajar di dalam kelas, dan mengawal disiplin pelajar di dalam kelas supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar.

Namun begitu, apakah kelebihan atau kelemahan satu-satu model atau intervensi dalam mengawal disiplin murid? Adakah siswa guru lebih berkeyakinan untuk berdepan dengan murid yang menimbulkan tingkah laku bermasalah? Untuk menjawab soalan-soalan ini dengan lebih jelas, kajian masa depan mungkin boleh disusuli dengan temu bual dengan siswa guru yang telah berpengalaman mengajar dalam praktikum. Usaha ini telah dijalankan oleh Myint & Lourdusamy (2005) dan dapatan kajian amat memberangsangkan kerana siswa guru dengan tulus hati membincangkan keberkesanan atau kelemahan satu-satu model pengurusan disiplin dan intervensi itu.

Kajian masa depan juga boleh menjurus kepada siswa guru yang mendapat keputusan cemerlang dalam penyeliaan praktikum serta menekankan penyediaan bilik darjah yang selesa untuk belajar serta mewujudkan hubungan dua hala yang mesra. Dengan kajian terhadap siswa guru tersebut, mungkin dapat dikenal pasti bagaimana mereka memilih dan mengaplikasi satu-satu model atau kombinasi model-model dalam pengurusan bilik darjah.

## **Kesimpulan**

Visi Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah untuk menjadi peneraju kecemerlangan pendidikan guru menerusi program pembangunan yang dinamik sejajar dengan misi untuk melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik. Dengan itu kursus-kursus yang disediakan untuk siswa guru di bawah struktur program PISMP haruslah dapat menolong siswa guru dalam meningkatkan kompetensi dan profesionalisme keguruan khasnya dalam pengurusan bilik darjah.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah dapat mengenal pasti hubungan Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku dengan keberkesanan pengurusan tingkah laku bermasalah murid semasa praktikum dalam kalangan siswa guru. Dapatkan kajian, jelas menunjukkan bahawa siswa guru telah mendapat manfaat daripada Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku ini. Penggunaan Kursus Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku telah memberi kesan positif kepada siswa guru dalam menguruskan tingkah laku bermasalah murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Dengan berbekalkan ilmu pengetahuan yang diperlukan dalam kursus ini, dapat memberi kesedaran kepada siswa guru bahawa disiplin dan kawalan kelas sewajarnya ditangani dengan sebaik-baiknya. Guru yang peka terhadap pengurusan tingkah laku bermasalah murid akan membawa kesan positif terhadap perkembangan diri murid. Lantaran dapat membantu perkembangan murid ke arah kemenjadian murid seperti mana yang dihasratkan oleh sistem pendidikan kebangsaan yang tertera dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015.

## **Rujukan**

- Azizi, Shahrin, Mohammad Sharif & Zurhana. (2008). Indeks Perlakuan Buli di Kalangan Pelajar-pelajar di Sekolah Menengah dan Rendah di Malaysia. Laporan Kajian Geran VOT 78069. Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Aznan, Mohd Zuri Ghani, Salizawati & Zainuddin. (2010). Kanak kanak bermasalah tingkah laku. *Jurnal Pendidikan Khas 10* (2)
- Belvel, Patricia Sequeira and Jordan,Maya Marcia. (2003). *Rethinking classroom management: strategies for prevention, intervention, and problem solving*. London: Sage.
- Burden, Paul R. (2000). *Powerful classroom management strategies: motivating students to learn*. London: Sage.

- Cangelosi, James S. (2014). *Classroom management strategies: gaining and maintaining students' cooperation* (7th. ed.). New Jersey: John Wiley & Sons.
- Cohen J, (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences*, 2nd ed. Hillsdale, New Jersey: Erlbaum.
- Eng, J. A. J. (2014). *Pengurusan bilik darjah: Strategi-strategi mewujudkan komuniti pembelajaran berkesan*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Fullan, Micheal., Quinn, Joanne., dan McEachen, Joanne. (2017). *Deep learning: engage the world change the world* (1st Eds). Washington: Corwin.
- Goh, P. S. C., Noor Shah Saad & Wong, K. T. (2012). The 'voices' of beginning teachers in malaysia about their conceptions of competency: Aphenomenographic investigation. *Australian Journal of Teacher Education*, 37(7): 58-70.
- Hamzah, N., Ghani, M. F. A., Radzi, N. M., & Sehab, M. A. (2018). Reka Bentuk Profil Amalan Terbaik Pengurusan Disiplin Murid. JuPiDi: *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(1), 33-63.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010a). *Panduan perlaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah dan rendah*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Landreth, Garry L. (2001). *Innovations in play therapy*. Taylor & Francis Group.
- Lee M.M. & Katherine T.B (2007). *Classroom Management: Model, Applications and Cases*. Singapore: Pearson.
- Lokman Mohd Tahir, Mohd Nihra Mohd Said, Roslee Ahmad, Khadijah Daud, Bambang Sumitono & Suhana Yusoff. (2014). Exploring the Induction Program for Novice Teachers. *Life Science Journal*, 11(8): 394-406.
- Mohd Najib Abdul Ghafar.(1999). *Penyelidikan Pendidikan*, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Mohd Nazar Mohamad.(1992).*Pengantar Psikologi: Satu pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkahlaku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Myint & Lourdusamy (2005). Application Of Discipline Models In Classroom Manageent. Myint,S.k...[et al] (2005). *Classroom Management: Facilitaling Teaching And Learning*. Singapore: Pearson/Prentice Hall.
- Noriah Mohd Ishak. (2005). *EQ My Emotional Intelligence :e-Profiling System*. Centre for Research and Innovation Management (CRIM) Faculty of Education. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi Malaysia.
- Orgoványi-Gajdos, J. (2015). *Expert and Novice Teachers' Approaches to Problematic Pedagogical Classroom Situations*. In. Ferit Uslu (Eds.). *Proceedings of INTCESS15- 2nd International Conference on Education and Social Sciences*. Istanbul: International Organization Center of Academic Research.
- Oshrat-Fink, Y. (2014). From the Campus to the classroom: Anarrative theory of novice teachers' transition processes. *Reflective Practice*, 15(6): 729-750.

- Reed, H.O. and Sidnell, R.G. (1978). *The materials of the music composition*. New York: Mc Graw-Hill Book Company.
- Shahida Hassim. (2012) .Perkembangan Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Prasekolah Bermasalah Pendengaran: Implikasinya Terhadap Penglibatan Ibu Bapa. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*. 82(2)
- Tengku Sarina AiniTengku Kasim, Fatimah Sahida Abdurajak. (2018). Pengalaman Pengajaran Guru Novis Pendidikan Islam: Implikasi terhadap Reka Bentuk Kurikulum Latihan Pendidikan Guru. (Islamic Education Novice Teachers' Teaching Experiences: Implications towards Teacher Training Curriculum Design). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(1). 59-66
- Trotter, R. (1986). The Mystery of Mastery, *Psychology Today*, 20(7), 32-38.
- Zainal, K. (2008). Memahami tingkah laku remaja bermasalah dari perspektif Teori Tingkah Laku, Humanistik, Psikoanalitik & Tret Personaliti. *Jurnal Pengajian Umum*, 9(4), 43-56.
- Zubir, N. M., Johari, K. S. K., Mahmud, Z., Ab Razak, N. H., & Johan, S. (2018). Cabaran Aplikasi Modul Terapi Filial dalam kalangan Ibu bagi Menangani Isu Tingkahlaku Kanak-Kanak (Challenges in the Application of Filial Therapy Module among Mothers to Overcome Children's Behaviour Problems). *Jurnal Pendidikan Malaysia/ Malaysian Journal of Education*, 43(3), 21-30.